



# Pilihan adalah di tangan Pengguna

---

Wawancara  
**Mingguan Malaysia**  
bersama  
Encik Marimuthu Nadason,  
*Presiden FOMCA*

---

**DI DALAM**

Wawancara:  
- Pilihan di tangan pengguna  
- Presiden Fomca  
N. Marimuthu  
MUKA 7

Di sebalik  
kehebatan SBY  
MUKA 33

**AHAD** 10 OKTOBER, 2004 / 25 SYAABAN 1425

CETUSAN HATI NURANI RAKYAT

**Mingguan** MALAYSIA

www.utusan.com.my

BIL: 41 TAHUN KE - 42 PP 363/12/2004



Gabungan Persatuan-Persatuan  
Pengguna-Pengguna Malaysia  
**F O M C A** (FOMCA)

**ISBN 983-99757-5-7**

---

Gabungan Persatuan-Persatuan  
Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA)  
No. 1D-1, Bangunan SKPPK  
Jalan SS9A/17  
47300 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
**MALAYSIA**

---

**© FOMCA 2004**

*Cetakan Pertama - Oktober 2004*

## KITA SEKARANG DALAM SITUASI MADU DI TANGAN KANAN, RACUN DI TANGAN KIRI - PILIHAN DI TANGAN PENGGUNA

*KENAIKAN harga bahan bakar sebanyak lima sen seliter mulai bulan ini mencetuskan apa yang disifatkan sebagai ‘pesta kenaikan harga’ barang dan perkhidmatan pengguna.*

*Selain kos pengangkutan yang meningkat, apa yang terasa begitu membebankan para pengguna sekarang ialah harga barang makanan yang naik dengan begitu tinggi sehingga sesetengahnya seperti tidak masuk akal.*

Tetapi kepada Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), N. Marimuthu, kenaikan harga bahan bakar itu bukanlah satu-satunya faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga barang makanan.

“Ada faktor lain yang harus kita fahami. Para peniaga sebenarnya hanya mengambil kesempatan saja daripada kenaikan bahan bakar itu,” katanya dalam satu wawancara, kelmarin.

Marimuthu baru saja tiga bulan lalu mengambil alih kepimpinan pergerakan pengguna terbesar itu daripada presidennya sebelum ini, Prof. Datuk Hamdan Adnan.

Selain cuba memahami isu kenaikan harga barang makanan ini, wartawan NOOR AZAM SHAIRI dan SITI MARIAM MD. ZAIN turut mencungkil pandangan Marimuthu mengenai langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh para pengguna dalam menghadapi masa yang sukar ini.

“Tidak ada cara lain. Kita semua harus menukar gaya hidup yang membawa kepada pembaziran,” katanya.

Marimuthu cukup percaya bahawa perlindungan yang terbaik harus bermula daripada diri para pengguna sendiri.

“Memboikot barang tidak akan membawa kita ke mana-mana,” katanya, sambil menjelaskan bahawa FOMCA tidak pernah mengeluarkan kenyataan mahu memboikot barang makanan yang harganya naik melampau dalam masa seminggu ini.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan supaya kerajaan memperkenalkan Akta Harga sebagai jawapan muktamad kepada masalah yang tidak pernah selesai ini.

***MINGGUAN: Bagaimana saudara melihat ‘pesta kenaikan harga’ ini?***

MARIMUTHU: Sejak dulu lagi FOMCA percaya kenaikan ini berlaku bukan kerana hanya satu sebab. Kenaikan harga minyak itu boleh dikatakan hanya sebagai alasan saja. Apabila harga minyak naik, semua pihak mengambil kesempatan dan menggunakan sebagai alasan untuk menaikkan harga barang sesuka hati.

Kalau kita lihat dengan teliti kenaikan harga minyak itu boleh dikatakan hampir tiada kaitan langsung dengan kenaikan harga yang mereka kenakan itu.

Dalam membincangkan isu kenaikan harga khususnya barang makanan, kita kena faham bahawa kita bukan negara pengeluar makanan tetapi pengimpor.

Menurut statistik tahun lalu, kita mengimport makanan berasaskan pertanian berjumlah RM12.44 bilion sedangkan nilai eksport pula hanya RM7.4 bilion. Maknanya ada defisit RM5.04 bilion. Ini jelas menunjukkan kita bukan negara pengeluar makanan.

***Bahan bakar naik lima sen seliter tetapi harga daging misalnya naik sehingga RM2.50 sekilogram. Apa maknanya ini?***

MARIMUTHU: Ini memang jelas mengambil kesempatan. Apa yang menghairankan ialah selepas 47 tahun merdeka, masih ada ramai peniaga yang tidak beretika dan terkeluar daripada Rukuniaga yang telah diperkenalkan oleh kerajaan.

Kepada saya, peniaga-peniaga ini mengambil kesempatan bukan kerana tiadanya penguatkuasaan. Saya percaya kalau semua perkara perlu bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang bermakna ada sesuatu yang tidak kena dengan masyarakat.

Masalah ini berlaku kerana majoriti peniaga tidak mahu dan tidak tahu bertanggungjawab. Ini amalan yang tidak baik untuk masa depan dan pembinaan negara.

***Isu harga bukan masalah baru. Ia timbul sepanjang masa. Soalnya kenapa ia berulang-ulang?***

MARIMUTHU: Untuk memahami kenaikan harga barang makanan ini kita perlu terlebih dulu memahami beberapa perkara. Pertama, negara ini dilanda oleh pelbagai jenis penyakit seperti selesema burung, penyakit kuku dan mulut dan sebagainya sejak lima tahun kebelakangan ini.

Ini telah mengubah pola pemakanan rakyat. Kalau dulu makanan sayur dan ikan hanya tertumpu kepada satu-satu kaum tetapi kini permintaannya meliputi semua kaum. Maknanya barang ini perlu dibawa masuk dengan lebih banyak.

Kedua, bil import makanan yang tinggi juga menyumbang kepada kenaikan harga makanan. Ketiga, masalah perubahan cuaca dunia yang mengejut turut memberikan kesan kepada pengeluaran hasil pertanian. Keempat, kos sara hidup sudah meningkat memaksa peniaga memindahkan bebannya kepada pengguna.

Kelima, kemunculan kelas menengah juga memberikan dimensi baru kepada pembelian barang makanan. Mereka lebih selesa berbelanja di pasar raya yang harga barangannya lebih tinggi kerana melibatkan kos penyimpanan, pembungkusan dan pemasaran.

Keenam, harga barang makanan juga meningkat kerana para pembekal terpaksa mematuhi syarat-syarat ketat yang dikenakan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang menyebabkan kos operasi mereka naik.

Ini ditambah pula dengan masalah peranan orang tengah yang menentukan bekalan barang makanan itu ada di pasaran. Mereka inilah yang membeli dengan harga murah daripada petani dan menjualnya dengan harga yang mahal dengan alasan terpaksa menanggung pelbagai kos operasi.

Selain itu, penggunaan baja dan bahan kimia tanam-tanaman untuk meningkatkan hasil pertanian juga menambahkan kos dan bebannya ditanggung oleh pengguna.

Ini yang menyebabkan masalah kenaikan harga tidak pernah selesai, bak kata orang ‘pi mai pi mai tang tu juga’.

### ***Cadangan FOMCA?***

MARIMUTHU: Selama 22 tahun yang lalu, kita semacam lupa daratan. Kita beralih daripada sektor pertanian kepada bidang perindustrian. Cuma baru-baru ini saja kita kembali bercakap tentang pertanian, mahu menjadi negara pengeluar makanan menjelang tahun 2010.

Sekarang kita ada 800,000 hingga 1 juta hektar tanah pertanian terbiar yang dahulunya mengeluarkan hasil. Tanah-tanah inilah yang perlu kita bangunkan untuk membekalkan bahan makanan.

Kita juga perlu melihat kedudukan orang tengah ini. Kita perlu melihat semula konsep pasar tani supaya para petani boleh memasarkan terus hasil mereka kepada pengguna seperti matlamat asalnya.

Kita juga harus memperkenalkan semula rancangan buku hijau dengan menggalakkan masyarakat bercucuk tanam di rumah masing-masing, dan kemudian bertukar-tukar hasil tanaman dengan jiran-jiran. Ini boleh menjimatkan perbelanjaan harian.

Kita juga harus sedar bahawa hampir 60 peratus petani kita memiliki keluasan tanah kurang daripada 1 ekar. Kita harus menggalakkan para petani bekerjasama menggembangkan sumber tanah mereka. Kita harus mencontohi Thailand yang mempunyai syarat ketat tentang tanah pertanian kerana ia melibatkan soal kepentingan negara.

Kerajaan juga perlu melihat semula peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang sudah lari daripada matlamat penubuhan asalnya. Kerajaan perlu memantau FAMA dengan lebih dekat supaya barang makanan dapat sampai ke segenap pelosok negara. Kalau barang kurang dan permintaan tinggi macam mana hendak menstabilkan harga?

Sekiranya dasar pertanian kita mapan, kita tidak akan menghadapi masalah ini. Sekarang kita tidak boleh menuding jari menyalahkan penguat kuasa gagal mengawal kenaikan harga barang. Apa yang hendak mereka kuat kuasakan? Barang makanan kita dibawa dari luar.

### ***Kenaikan harga ini tidak boleh ditangani dengan penguatkuasaan?***

MARIMUTHU: Bukan semua barang itu barang kawalan yang

dikuatkuasakan semasa musim perayaan. Soalnya macam mana kita hendak mengenakan harga kawalan kepada barangan harian? Kalau itu dilakukan mungkin nanti kita boleh mencatatkan rekod ‘Malaysia Boleh’ kerana semua barangan makanan kita dikawal. Mungkin juga kita kena wujudkan Kementerian Kawalan Harga Barang (ketawa).

Cuma apa yang boleh kita lakukan ialah memperkenalkan Akta Harga. Melalui akta itu sesiapa yang hendak menaikkan harga mesti terlebih dulu mendapatkan kelulusan daripada badan atau suruhanjaya yang diberi kuasa meluluskannya. Itu boleh kita lakukan. Kalau kerajaan mahu melakukannya, ini baik. Sebelum sesuatu barangan itu diputuskan harganya, kita boleh mendengar pendapat daripada tiga suara iaitu pengguna, kerajaan dan peniaga.

***Masalah sekarang ialah harga terus naik sedangkan apa yang dikemukakan oleh Fomca adalah cadangan-cadangan yang belum tentu dapat membantu pengguna pada masa ini?***

MARIMUTHU: Ini adalah pelan jangka panjang. Apa yang kita boleh laksanakan sekarang ini hanya rancangan jangka masa pendek untuk menstabilkan harga. Kita beri permit untuk bawa masuk lebih banyak barangan makanan.

Senang cakap, kita sekarang berada dalam situasi madu di tangan kanan, racun di tangan kiri. Madunya ialah apabila kita keluarkan permit untuk bawa masuk barangan, harga akan stabil dan mungkin menjadi lebih rendah daripada sebelumnya. Tetapi racunnya ialah pada masa yang sama, kita membunuh petani-petani kecil kita yang 1.4 juta orang daripadanya adalah orang Melayu.

***Dalam keadaan itu apakah yang harus dilakukan oleh pengguna?***

MARIMUTHU: Para pengguna harus menukar gaya hidup mereka. Suka atau tidak mereka harus membawa bekal ke tempat kerja atau sekolah. Mereka juga perlu merancang belanjawan terperinci yang kedekut-sekedekutnya untuk sementara waktu.

Ketiga, elak daripada membeli barang secara hutang. Negara ini mempunyai 2.5 juta orang pemegang kad kredit dan jumlah hutangnya ialah lebih kurang RM10 bilion. Kalau tiada duit tidak payahlah berbelanja. Beli barang mengikut keperluan, bukannya mengikut nafsu. Ukur baju di badan sendiri.

Selain itu, kita harus kembali bercucuk tanam di laman rumah sendiri. Suatu masa dulu kebanyakan daripada kita tidak membeli sayur-sayuran di pasar tetapi sekarang cili dan daun kari pun kita terpaksa beli.

### ***Tetapi sekarang orang tinggal di apartmen dan kondominium?***

MARIMUTHU: Saya kasihan dengan mereka terutamanya warga Kuala Lumpur. Saya maksudkan ini kepada mereka yang tinggal di pinggir bandar, di rumah yang mempunyai tanah lapang. Sedikit tanah lapang yang ada itu gunakanlah untuk menanam apa saja tanaman yang boleh mengurangkan belanja dapur.

Apa yang saya hendak katakan ialah seboleh mungkin cubalah kurangkan belanja. Jangan membazir tidak tentu sebab. Gaya hidup kita sekarang ini terlalu cenderung kepada pembaziran. Kalau empat orang dalam sebuah keluarga yang berpendapatan isi rumah RM4,000 - suami, isteri dan dua anak yang sudah bersekolah - setiap seorang ada telefon bimbit, keluarga itu boleh jatuh miskin 10 peratus.

Bukankah lebih baik kalau duit itu dilaburkan dalam saham amanah, digunakan untuk membeli insurans, simpan dalam bank atau Tabung Haji?

### ***Tetapi kata orang itulah gaya hidup moden?***

MARIMUTHU: Gaya hidup moden itulah yang merosakkan. Itu sebab saya katakan jangan membazir. Setiap orang perlu memilih cara hidup masing-masing. Kita jangan lupa bahawa perlindungan pengguna yang terbaik adalah perlindungan diri sendiri.

Inilah masalah orang kita. Kita suka menyalahkan kerajaan, menyalahkan undang-undang dan menyalahkan orang lain tetapi kita tidak pernah mahu menyalahkan diri sendiri. Kita ini memang ada sindrom lagu ‘bangau oh bangau’.

Setiap anggota masyarakat harus menjadi pengguna yang berhemah. Saya minta maaf tetapi saya mesti cakap perkara ini. Hari ini semua orang mahu ada kereta tetapi sebenarnya mereka tidak mampu. Ini selalu berlaku kepada eksekutif muda yang baru lulus universiti dan baru mula bekerja. Selepas tolak duit untuk rumah dan kereta, apa lagi yang tinggal untuk mereka.

Ini berbalik kepada soal gaya hidup. Kita perlu bersederhana.

***Apakah hikmah daripada kenaikan harga barang ini?***

MARIMUTHU: Kita perlu duduk dan secara jujur menilai semula gaya hidup masing-masing. Inilah masanya yang terbaik. Saya sendiri sudah mula memikirkannya.

Masalahnya orang tidak mahu berkurban. Orang tidak mahu bawa bekal kerana kononnya malu. Daripada malu membawa sebotol air masak dari rumah orang lebih rela membeli air mineral atau minum di kantin.

Kalau sehari kita dapat berjimat RM1, sebulan ada RM30. Kita harus berjimat setakat mana yang boleh biarpun hanya beberapa sen; sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.

***Pengguna bagaimanakah yang menjadi mangsa daripada kenaikan harga barang sekarang ini?***

MARIMUTHU: Kepada saya, para pengguna yang tidak kisah tentang gaya hidup mereka. Mereka tidak kisah berbelanja lebih sedikit pada bulan ini kerana percaya boleh berjimat pada bulan yang akan datang. Mereka tidak berbelanja mengikut kemampuan dan akhirnya terpaksa berhutang.

Itu sebabnya kita lihat kes-kes melibatkan along, masalah-masalah jenayah dan juga perpecahan rumah tangga meningkat dalam masyarakat. Kalau kita kaji kes-kes perceraian yang berlaku kebanyakannya bukan kerana masalah suami atau isteri tetapi berpunca daripada masalah wang.

Masalah sosial yang kita hadapi ini adalah masalah yang berantai-rantai, berpunca daripada gaya hidup kita yang sudah berubah.

*Perdana Menteri sendiri mengakui bahawa harga minyak mungkin terpaksa dinaikkan lagi sekiranya keadaan memaksa. Adakah itu isyarat jelas bahawa gaya hidup kita mesti berubah?*

MARIMUTHU: Ini adalah hal-hal yang di luar kawalan kita. Kepada saya, menukar gaya hidup adalah sesuatu yang terlalu mendesak sekarang. Kita tidak boleh bertangguh.

Suka atau tidak, kepenggunaan adalah soal membuat pilihan. Kita sendiri yang akan menentukan sama ada mahu hidup dengan gembira atau bersedih. Ini adalah pilihan masing-masing.

Masalahnya ialah kita mengharapkan terlalu banyak daripada kerajaan. Kerajaan hanya boleh buat sedikit saja.

### ***Jadi apakah yang boleh kita harapkan daripada kerajaan?***

MARIMUTHU: Kerajaan perlu menyediakan pelan jangka panjang. Pelan jangka pendeknya ialah dengan juga mengeluarkan permit sementara mengimport makanan untuk menstabilkan harga di pasaran. Tetapi pada masa yang sama kerajaan juga harus ada pelan jangka panjang untuk menstabilkan harga.

Orang tidak pernah merancang untuk gagal tetapi sebenarnya gagal merancang dengan baik. Kita perlu ada satu dasar yang kukuh dan dilaksanakan dengan konsisten. Kita tidak mahu dasar bertukar-tukar apabila menteri bertukar.

### ***Apa pula peranan peniaga?***

MARIMUTHU: Orang kalau berniaga memang matlamatnya mahu membuat duit tetapi janganlah keterlaluan mengaut keuntungan. Hanya ada satu cara saja untuk mengawalnya iaitu dengan memperkenalkan Akta Harga.

Dengan akta itu, peniaga tidak boleh menaikkan harga dengan sesuka hati. Mereka perlu terlebih dulu mengemukakan permohonan kepada kerajaan dengan memberi alasan-alasan kenaikan itu. Kerajaan pula akan mendengar pandangan daripada wakil pengguna.

**Kerajaan tahun lalu memperkenalkan Rukuniaga yang mahu melahirkan peniaga yang beretika. Apa yang berlaku sekarang ialah sebaliknya.**

MARIMUTHU: Itu sebabnya kita perlu kepada Akta Harga. Sekarang ini tidak ada undang-undang yang boleh mengawal secara keseluruhan kenaikan harga barang.

Kita perlu ingat bahawa para peniaga di negara ini hanya takut kepada dua perkara - hukuman denda dan hukuman tarik lesen untuk berniaga.

***Adakah Rukuniaga yang mahu melahirkan itu sukar dilaksanakan?***

MARIMUTHU: Ia boleh dilaksanakan sekiranya para peniaga kita mahu mematuhiinya. Masalahnya mereka tidak mahu. Kod itu bukan paksaan tetapi memerlukan pematuhan secara sukarela. Ini bergantung sejauh mana mereka boleh menghayatinya. Ini soal penghayatan.

***Kenapa mereka tidak menghayatinya?***

MARIMUTHU: Tahap nilai moral masyarakat sudah menurun. Tetapi realitinya bagaimana kita boleh membenarkan harga ditentukan oleh keadaan pasaran tetapi pada masa yang sama kita mengatakan bahawa harga sesetengah barang perlu dikawal?

Itu sebabnya kita sangat memerlukan Akta Harga. Kita memerlukan satu mekanisme untuk menentukan harga barang. Kita tidak boleh membenarkan para peniaga dan pembekal perkhidmatan menaikkan harga mereka dengan sewenang-wenangnya.

Undang-undang mengenai harga yang kita kuat kuasakan sekarang ini hanya menyentuh soal tanda harga. Hanya kalau tiada tanda harga tindakan boleh dikenakan kepada peniaga. Kesalahan yang mungkin dilakukan oleh peniaga ialah hanya tidak meletakkan tanda harga dan bukannya menaikkan harga terlalu melampau, melainkan ia melibatkan barang terkawal.

Kita juga tidak boleh mengawal harga barang yang sudah diproses misalnya makanan di restoran dan gerai.

***Bagaimana pengguna perlu menghadapi perkembangan semasa ini?***

MARIMUTHU: Kita harus menjadi pengguna yang bijak dalam membuat pilihan. Kita tidak harus menjadi pengguna yang boleh diperbodoh-bodohkan.

Saya tidak faham kenapa para pengguna tidak boleh meningkatkan pengetahuan kepenggunaan mereka dengan membaca penerbitan persatuan pengguna sedangkan mereka boleh menghabiskan wang membeli majalah humor dan misteri.

Hanya dengan meningkatkan pengetahuan saja mereka boleh membuat pilihan yang bijak di pasaran. Kita jangan membeli sesuatu barang hanya kerana orang lain juga membelinya. Kita harus melihat kemampuan diri sendiri.

***Selepas 32 tahun gerakan pengguna wujud, apakah pengguna kita masih belum bijak? Bagaimana saudara menilai tahap kesedaran mereka?***

MARIMUTHU: Walaupun 75 peratus daripada sekolah ada kelab pengguna dan 60 peratus daripada rakyat tahu tentang pergerakan persatuan pengguna tetapi adakah mereka menghayatinya?

Kami hanya boleh memberitahu saja tetapi bergantung kepada masyarakat untuk menentukan tindakan mereka sendiri.

***Adakah ini pengakuan bahawa FOMCA telah gagal?***

MARIMUTHU: Tidak. FOMCA tidak mengutip cukai daripada rakyat dan tidak ada peruntukan yang secukupnya untuk membuat program pendidikan kepenggunaan. Di United Kingdom, kerajaannya memberikan 40 juta pound kepada persatuan pengguna untuk program-programnya.

Di Singapura, kerajaannya memperuntukkan 25 sen bagi setiap orang penduduk untuk program pendidikan kepenggunaan. Beri saya satu kepala 10 sen saja, saya boleh cuba memastikan tahap kepenggunaan di negara ini meningkat.

***Apakah yang boleh FOMCA lakukan?***

MARIMUTHU: Kami boleh membuat kajian untuk membantu kerajaan membuat keputusan dan dasar yang terbaik untuk rakyat, untuk pengguna semua. Kami boleh menyebarkan maklumat tentang kepenggunaan yang baik kepada anggota masyarakat.

Kami boleh melakukannya dengan bantuan dana dari luar tetapi kami akan dianggap sebagai tali barut asing. Kami boleh buat itu semua sekiranya kerajaan mahu memberikan bantuan yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun penghayatan adalah sesuatu yang kami tidak boleh ajar. Para pengguna sebaliknya yang harus berlaku jujur kepada diri sendiri. Kita boleh bawa lembu dan kerbau ke tepi sungai tetapi kita tidak boleh paksa mereka minum.

Kita kena ingat gerakan kepenggunaan ini kerja sukarela. Sungguhpun begitu dalam tempoh lebih tiga dekad ini sekurang-kurangnya FOMCA telah melakukan sesuatu untuk kesedaran dan perlindungan pengguna.

***Bagaimana saudara menilai tahap kesedaran itu?***

MARIMUTHU: Kesedaran itu ada tetapi masyarakat selalu melihatnya sebagai masalah orang lain, bukan masalah dia sendiri. Sekiranya ada orang yang mengatakan bahawa FOMCA gagal mendidik pengguna saya boleh menjawab dengan mengatakan bahawa media dan kerajaan lebih lagi gagal.

Ini kerana media mempunyai sumber yang secukupnya; media ada ruang dan kerajaan ada wang.

***Adakah sukar untuk melahirkan peniaga yang beretika?***

MARIMUTHU: Ini berbalik kepada soal kematangan. Apabila masyarakat tidak membaca bagaimana mereka hendak ada kesedaran moral yang tinggi, bagaimana kita hendak melahirkan pengguna yang tahu tentang hak-haknya sendiri.

Saya harus puji bahawa setiap hari Utusan Malaysia ada menyiar pelbagai rencana yang menarik termasuk mengenai kesedaran kepenggunaan tetapi berapa orang yang membaca halaman rencana?

***Apa kaitannya dengan soal membaca?***

MARIMUTHU: Ilmu itu kuasa. Apabila masyarakat berilmu mereka boleh membuat keputusan dengan bijak. Kepenggunaan adalah urusan membuat keputusan yang tepat dengan segala maklumat yang ada.

***Kalau perlindungan yang terbaik adalah diri sendiri, adakah ini bermakna soal boikot tidak timbul?***

MARIMUTHU: Soal boikot tidak akan timbul kalau kita ada barang. Masalahnya sekarang bagaimana kita hendak boikot kerana apa yang kita bincangkan ini ialah barang makanan. Setiap hari kita perlu makan; bagaimana mahu boikot. Saya hendak tanya kalau kita boikot ayam, ikan dan daging akhirnya kita hendak makan apa?

Kita perlu berhati-hati dalam membuat keputusan ini. Saudara semak balik laporan tentang boikot itu. Presiden FOMCA tidak cakap supaya boikot. Kalau semak sejarah saya dalam gerakan kepenggunaan, saya tidak pernah menggunakan perkataan boikot. Alasan saya senang: Kita sangat bergantung kepada barang makanan.

Saya tidak boleh suka-suka membuat kenyataan. Kalau mahu, saya boleh membuat kenyataan akhbar setiap hari dan saya percaya media akan menggunakannya. Saya tahu dengan kenyataan ini, saya akan menjadi Presiden FOMCA yang tidak popular tetapi inilah hakikatnya.

Hanya ada dua saja cara untuk kita menghadapi situasi sekarang ini. Pertama, sebagai pengguna kita perlu tepuk dada dan tanya selera: Apakah kita mampu untuk berbelanja seperti biasa? Kedua, peniaga perlu memikirkan apakah yang mereka lakukan ini baik untuk kepentingan negara.

*Mingguan Malaysia*

*10 Oktober 2004*

## 8 Hak Asas Kita

- Hak Untuk Mendapat Keselamatan
- Hak Untuk Mendapat Maklumat
- Hak Untuk Mendapat Kemudahan Asas
- Hak Untuk Menyuarkan Pendapat
- Hak Untuk Mendapat Gantirugi
- Hak Untuk Membuat Pilihan
- Hak Untuk Mendapatkan Pendidikan Pengguna
- Hak Untuk Mendapat Alam Sekitar Yang Sihat

## Tentang FOMCA

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia atau nama akronimnya, FOMCA merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang bergerak secara sukarela dan tidak mencari keuntungan, bebas daripada isu-isu perkauman, keagamaan dan sebarang parti politik. FOMCA telah ditubuhkan pada 10hb Jun 1973 sebagai persatuan gabungan bagi beberapa persatuan-persatuan negeri pada masa itu. Kini FOMCA mempunyai 15 ahli gabungan di seluruh negara.

Objektif FOMCA adalah untuk menguatkan dan mengukuhkan pertubuhan pergerakan pengguna di Malaysia; meneliti isu-isu serta berjuang untuk hak-hak pengguna; berjuang melalui kuasa beli pengguna yang mengikut keperluan untuk pembangunan yang menjamin sosio ekonomi yang adil dan kualiti alam sekitar yang lebih baik; dan mengkoordinasi dan menjadi badan perunding bagi organisasi pengguna di Malaysia.

Untuk mencapai objektif tersebut, FOMCA menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan dan menerbitkan risalah untuk kesedaran pengguna; bertindak memberi perlindungan kepada pengguna di semua peringkat; menyebarkan maklumat kepada pengguna; dan mengkoordinasikan tindakan pengguna melalui kumpen dan sebagainya.

Falsafah FOMCA adalah untuk mewujudkan suasana dan sifat berdikari di kalangan pengguna, dengan merealisasikan moto “Perlindungan Paling Berkesan Adalah Perlindungan Kendiri.”



**Gabungan Persatuan-Persatuan  
Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA)**  
No. 1D-1, Bangunan SKPPK, Jalan SS9A/17,  
47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: 03-7876 2009, 7875 6370/62 Faks: 03-7877 1076  
Emel: fomca@fomca.org.my atau fomca@po.jaring.my  
Laman Web: www.fomca.org.my

ISBN 983-99757-5-7



9 789839 975758